

01 MAY 2003

I

MYC GESA ENTITI PERNIAGAAN MENYUMBANG KEPADA TABUNG KEAMANAN

KUALA LUMPUR, 1 Mei (Bernama) -- Majlis Belia Malaysia (MYC) hari ini menggesa entiti perniagaan swasta supaya menghulurkan sumbangan kepada Tabung Keamanan Antarabangsa Malaysia (MIPF) sebagai tanda keprihatinan mereka kepada mangsa perang.

Naib presiden MYC Loka Ng Sai Kai berkata mereka wajar mencontohi Blue Star Apparel Sdn Bhd yang melancarkan jualan kebajikan Blue Star bagi mengutip derma untuk MIPF.

MYC sendiri sudah mengumpul RM186,021.00 daripada anggota majlis itu serta orang ramai, katanya kepada pemberita di sini hari ini.

"Kami jangka dapat mengutip RM250,000 untuk MIPF dan yakin dapat mencapai sasaran itu," katanya.

Loka berkata semua sumbangan akan diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Hari Belia peringkat kebangsaan pada 15 Mei ini.

Sementara itu, Blue Star komited untuk menyumbang 10 peratus daripada hasil jualan produk syarikat itu sepanjang kempen hari ini hingga 19 Mei kepada MIPF, kata pengurus pemasarannya, Tiang Boon Han.

Rangkaian kedai syarikat itu menjual 50 jenis fesyen pakaian yang mengikut trend muda-mudi terkini.

Tiang berkata syarikat itu menjangkakan akan membuka tiga lagi rangkaian kedai di Lembah Klang, tahun ini.

-- BERNAMA
WNA MFJ LAT